



JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL (JPNIN)

Department Of National Unity And Integration

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

ARAS 7-10, BLOK E, KOMPLEKS E

LEVEL 7-10, BLOCK E, COMPLEX E

PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT ADMINISTRATION CENTRE

62502 PUTRAJAYA

MALAYSIA

Telpon : 03-88837000

Faks : 03-8888 8584

Laman Web : www.jpnin.gov.my

Ruj. Kami : JPN.01/09/01Jld.2(6)

Tarikh : 10 Februari 2024

**Semua Pengarah Perpaduan Negeri
Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**

Tuan/Puan,

ARAHAN PENTADBIRAN KETUA PENGARAH JPNIN BIL.2/2024: GARIS PANDUAN PENGURUSAN WAKTU BERTUGAS GURU DAN PENOLONG GURU TABIKA PERPADUAN

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

- ... 2. Sukacita bersama-sama ini disertakan **Arahan Pentadbiran Ketua Pengarah JPNIN Bil.2/2024: Garis Panduan Pengurusan Waktu Bertugas Guru dan Penolong Guru Tabika Perpaduan** bertujuan sebagai panduan yang jelas kepada guru dan penolong guru Tabika Perpaduan berkaitan dengan waktu bertugas di Tabika Perpaduan di seluruh negara. Garis Panduan ini terpakai kepada semua Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) di seluruh negara.
3. Sehubungan itu, adalah menjadi tanggungjawab tuan/puan untuk memanjangkan perkara ini kepada semua Guru dan Penolong Guru Tabika Perpaduan di bawah seliaan tuan/puan. Ibu Pejabat JPNIN juga ingin menarik perhatian tuan/puan agar memastikan Garis Panduan ini dipatuhi sepenuhnya serta memantau waktu bertugas Guru dan Penolong Guru Tabika Perpaduan di bawah selian tuan/puan.
4. Sebarang pertanyaan mengenai Arahan Pentadbiran Ketua Pengarah JPNIN Bil.2/2024: Garis Panduan Pengurusan Waktu Bertugas Guru dan Penolong Guru Tabika Perpaduan boleh dimajukan kepada Unit Pendidikan Awal Kanak-Kanak, Bahagian Kesepaduan Sosial dan Integrasi Nasional, Ibu Pejabat JPNIN.

Ruj. Kami : JPN.01/09/01Jld.2(6)

Perhatian dan kerjasama tuan/puan berhubung dengan perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' HJ. CHE ROSLAN BIN CHE DAUD)
Ketua Pengarah
Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional



JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL

ARAHAN PENTADBIRAN KETUA PENGARAH JPNIN BIL. 2/2024: GARIS PANDUAN PENGURUSAN WAKTU BERTUGAS GURU DAN PENOLONG GURU TABIKA PERPADUAN

1.0 TUJUAN

- 1.1 Tujuan Garis Panduan Pengurusan Waktu Bertugas Guru dan Penolong Guru ini dirangka adalah bagi memberikan panduan yang jelas kepada guru dan penolong guru Tabika Perpaduan berkaitan dengan waktu bertugas di Tabika Perpaduan

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Pada 24 Julai 2021, Kementerian Perpaduan Negara telah melancarkan Pelan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Tabika Perpaduan 2021- 2030 yang mana pelan ini memberi suntikan dan nafas baharu kepada program pendidikan awal kanak-kanak Tabika Perpaduan ke arah menyemai semangat perpaduan dan patriotisme di kalangan murid Tabika Perpaduan.
- 2.2 Selari dengan pelancaran pelan tersebut, buku Pengurusan dan Pentadbiran Tabika Perpaduan disediakan bagi memberi panduan yang jelas kepada semua pihak di setiap peringkat pelaksanaan di Kementerian, Jabatan dan Tabika Perpaduan bagi melancarkan tadbir urus Tabika Perpaduan.
- 2.3 Waktu bekerja penjawat awam adalah selama 9 jam. Ini merujuk kepada Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia Ceraian CR.4.1.1. (Pelaksanaan Waktu Bekerja di Agensi Persekutuan)

2.4 Waktu pengoperasian Tabika Perpaduan iaitu seperti berikut:

Negeri Kumpulan A (Johor, Kedah, Kelantan, Terengganu):

Sesi	Waktu Operasi	Waktu Pembelajaran
Pagi	7.30 pagi – 2.30 petang	8.00 pagi – 12.00 tengah hari
Petang	10.30 pagi – 5.30 petang	12.30 tengah hari – 4.30 petang

Negeri Kumpulan B (Perlis, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, WP Putrajaya WP Kuala Lumpur, Pahang, Sabah, Sarawak, WP Labuan):

Sesi	Waktu Operasi	Waktu Pembelajaran
Pagi	7.30 pagi – 3.00 petang	8.00 pagi – 12.00 tengah hari
Petang	10.30 pagi – 5.30 petang	12.30 tengah hari – 4.30 petang

3.0 PELAKSANAAN

- 3.1 Garis panduan Pengurusan Waktu Bekerja Guru dan Penolong Guru ini adalah terpakai kepada semua Tabika Perpaduan di seluruh negara.
- 3.2 Berikut merupakan pengiraan waktu bertugas bagi Negeri Kumpulan A dan Kumpulan B secara mingguan:

Negeri Kumpulan A (Johor, Kedah, Kelantan, Terengganu):

Sesi pagi : Kumpulan A

PERKARA	JUMLAH MASA (JAM)
<u>Waktu Bertugas :</u> 7.30 pagi – 2.30 petang (Ahad – Khamis) (7 jam x 5 hari)	= 35 jam
<u>Waktu Rehat :</u> 2.30 petang – 3.30 petang (Ahad - Khamis) (1 jam x 5 hari)	= 5 jam
<u>Jumlah Keseluruhan</u>	= 40 jam
<u>Waktu Bertugas Sebenar</u> (9 jam sehari x 5 hari)	= 45 jam
<u>BAKI WAKTU BERTUGAS</u> Baki jam yang perlu diganti oleh guru	= 5 jam seminggu

Sesi petang : Kumpulan A

PERKARA	JUMLAH MASA (JAM)
<u>Waktu Bertugas :</u> 10.30 pagi – 5.30 petang (Ahad – Khamis) (7 jam x 5 hari)	= 35 jam
<u>Waktu Rehat :</u> 5.30 petang – 6.30 petang (Ahad - Khamis) (1 jam x 5 hari)	= 5 jam
Jumlah Keseluruhan	= 40 jam
<u>Waktu Bertugas Sebenar</u> (9 jam sehari x 5 hari)	= 45 jam
BAKI WAKTU BERTUGAS Baki jam yang perlu diganti oleh guru	= 5 jam seminggu

Negeri Kumpulan B (Perlis, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, WP Putrajaya WP Kuala Lumpur, Pahang, Sabah, Sarawak, WP Labuan):

Sesi Pagi : Kumpulan B

PERKARA	JUMLAH MASA (JAM)
<u>Waktu Bertugas :</u> 7.30 pagi – 3.00 petang (Isnin – Khamis) (7 jam 30 minit x 4 hari) 7.30 pagi – 12.30 tengah hari (Jumaat) (5 jam)	= 30 jam = 5 jam
Jumlah	= 35 jam
<u>Waktu Rehat :</u> 3.00 petang – 4.00 petang (Isnin - Khamis) (1 jam x 4 hari) 12.30 tengah hari – 1.30 tengah hari (Jumaat) (1 jam)	= 4 jam = 1 jam
Jumlah	= 5 jam
Jumlah Keseluruhan	= 40 jam
<u>Waktu Bertugas Sebenar</u> (9 jam sehari x 5 hari)	= 45 jam
BAKI WAKTU BERTUGAS Baki jam yang perlu diganti oleh guru	= 5 jam seminggu

Sesi petang : Kumpulan B

PERKARA	JUMLAH MASA (JAM)
<u>Waktu Bertugas :</u> 10.30 pagi – 5.30 petang (Isnin – Khamis) (7 jam x 5 hari)	= 35 jam
<u>Waktu Rehat :</u> 5.30 petang – 6.30 petang (Isnin- Khamis) (1 jam x 5 hari)	= 5 jam
Jumlah Keseluruhan	= 40 jam
<u>Waktu Bertugas Sebenar</u> (9 jam sehari x 5 hari)	= 45 jam
BAKI WAKTU BERTUGAS Baki jam yang perlu diganti oleh guru	= 5 jam seminggu

- 3.3 Guru dan penolong guru hendaklah melaksanakan tugas merujuk kepada senarai tugas yang telah ditetapkan di dalam (**Bab B : Pentadbiran Tabika Perpaduan**) Buku Pengurusan dan Pentadbiran Tabika Perpaduan sepanjang waktu pengoperasian Tabika Perpaduan.
- 3.4 Manakala purata baki 5 jam seminggu perlulah digantikan dengan perkara-perkara berikut:
- a) Bengkel Hujung Minggu Guru/Penolong Guru Tabika Perpaduan
 - b) Menghadiri atau menjadi urusetia program Jabatan sama ada di peringkat Negeri/Daerah/KRT/Tabika dan lain-lain agensi yang menganjurkan program.
 - c) Lain-lain tugas atau program yang diarahkan dari semasa ke semasa.
- 3.5 Pegawai Perpaduan Daerah/Bahagian/Ketua Seksyen perlulah sentiasa memastikan semua guru/penolong guru memahami berkaitan pengurusan waktu bertugas guru/penolong guru Tabika Perpaduan.
- 3.6 Guru dan penolong guru perlu merekodkan kehadiran program / bertugas seperti di para 3.4 yang melibatkan di luar waktu bekerja seperti barang di **Lampiran A**.

4.0 PEMAKAIAN

Garis panduan ini terpakai kepada semua semua Tabika Perpaduan di seluruh negara. Garis panduan ini berkuat kuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan sehingga arahan baru berhubung garis panduan ini dikeluarkan.

5.0 RUMUSAN

Diharapkan agar dengan adanya Garis Panduan ini, pengurusan waktu bekerja guru dan penolong guru Tabika Perpaduan dapat difahami dengan lebih jelas. Guru dan penolong guru juga dapat memeberikan komitmen terhadap tugas dan tanggungjawab yang telah diberikan..

6.0 PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan mengenai Garis Panduan ini boleh dikemukakan kepada:

Unit Pendidikan Awal Kanak-Kanak
Bahagian Kesepaduan Sosial dan Integrasi Nasional
Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
Aras 8, Blok E2, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA
No. Tel: 03-888 37128

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(DATO' HJ. CHE ROSLAN BIN CHE DAUD)

Ketua Pengarah

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional

RREKOD KEHADIRAN GURU/ PENOLONG GURU KE PROGRAM JABATAN SAMA ADA DI PERINGKAT KEMENTERIAN/ NEGERI/ DAERAH/ KRT/ TP DI LUAR WAKTU BEKERJA

Nama Tabik Perpaduan
Nama **Jawatan** **Daerah** **Negeri** **Bulan**

BIL.	NAMA PROGRAM	TARIKH	HARI	MASA	TEMPOH	JAWATANKUASA	PERANAN	JEMPUTAN
1.	Sambutan Hari Kanak-Kanak	01.01.2024	Isrin	5.00pm – 6.00pm	1 jam			✓

JUMLAH JAM YANG TELAH DIHADIRI

Pengesahan oleh PPB/PPN,

(Tandatangan & Cop)

Tarikh: